

24 JAN 2001

Ling-IPF

PANDITHAN HARUS PERTIMBANG SERTAI MIC, KATA LING

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Anggota Barisan Kemajuan India (IPF) harus mempertimbangkan dengan serius untuk menyertai MIC bagi perpaduan masyarakat India di negara ini, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Pandithan (Datuk M.G. Pandithan presiden IPF) adalah bekas anggota MIC ... sekarang beliau dipelawa untuk menyertai parti itu semula, ini adalah peluang bagi masyarakat India di negara ini untuk bersatu," katanya kepada pemberita majlis rumah terbuka MCA sambutan Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Beliau berkata langkah MIC mempelawa IPF untuk menyertai MIC adalah baik dan harus dipandang positif.

IPF, yang mendakwa mempunyai lebih 200,000 anggota dari masyarakat India, ditubuhkan oleh Pandithan setelah beliau keluar dari MIC sejak seabad lalu.

Pandithan berkata beliau memerlukan masa untuk menimbangkan pelawaan itu dan menunggu anggota IPF menyatakan pendapat mereka dalam undian rahsia yang dijangkan akan diadakan bulan depan, sama ada kekal dalam IPF atau akan menyertai MIC.

Rumah terbuka MCA di Wisma MCA itu dihadiri kira-kira 5,000 orang dari pelbagai masyarakat.

Ling berkata beliau gembira dengan tetamu yang hadir dari pelbagai kalangan masyarakat dan juga pelancong.

"Ini adalah tradisi yang baik dan kita perlu kekalkannya bagi mewujudkan Bangsa Malaysia yang sebenarnya," katanya.

Rumah terbuka MCA itu turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan beberapa menteri Kabinet.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut serta jamuan makan tengah hari sambutan Tahun Baru Cina yang dianjurkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Heing Ding di Hotel Ritz-Carlton di sini.

Ketibaan beliau disambut dengan tarian singa.

Law yang mengalu-alukan tawaran MIC itu terhadap Pandithan berkata, "Saya fikir itu adalah langkah yang baik," katanya.

Dr Mahathir yang meluangkan masa kira-kira dua jam pada jamuan makan tengah hari itu meninggalkan majlis tanpa mengadakan sidang berita.

-- BERNAMA

SR AFY ZS RI